



Keuntungan bersih suku kedua TH Plantation meningkat 144 peratus

Mohd Ridzwan Md. Iman

August 25, 2021

TH Plantations Berhad (THP atau Kumpulan) mengumumkan keputusan bagi suku kedua tahun kewangan 2021 dengan melaporkan keuntungan bersih sebanyak RM32.60 juta, peningkatan 144 peratus berbanding keuntungan bersih sebanyak RM13.35 juta bagi tempoh yang sama tahun lalu.

Pendapatan suku kedua juga meningkat kepada RM176.15 juta iaitu peningkatan sebanyak 38 peratus berbanding suku yang sama tahun lalu.

Prestasi separuh pertama tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 Kumpulan meningkat ketara dengan mencatat keuntungan bersih sebanyak RM52.17 juta, lebih tinggi berbanding daripada RM0.40 juta pada separuh pertama TK2020.

Peningkatan pendapatan THP sebanyak 26.44 peratus kepada RM307.39 juta disumbang oleh kenaikan harga minyak sawit mentah (MSM), pengurusan kos yang efektif dan peningkatan keefisienan menyokong prestasi kukuh Kumpulan bagi separuh pertama TK2021.

Keseluruhan industri sawit secara relatif mencatatkan pengeluaran MSM yang lebih rendah pada suku kedua tahun 2021 sebanyak 9.33 peratus berbanding suku yang sama pada tahun 2020, kerana industri ini belum pulih sepenuhnya daripada kitaran rendah musim pengeluaran, kesan cuaca dan masalah kekurangan tenaga kerja yang berterusan.

Kumpulan menghasilkan 41,055.45 tan metrik MSM pada suku kedua 2021, 10.45% lebih rendah daripada suku yang sama tahun 2020.

Memandangkan keseluruhan tahap inventori di Malaysia masih rendah, peningkatan permintaan dan bekalan minyak boleh dimakan (edible oils) global yang ketat, Kumpulan menjangkakan harga minyak sawit akan tetap kukuh dan diparas yang baik.